

Bil. 26

**Khamis
10 Mei 2007**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 10 Mei 2007****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya jemput Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk mengemukakan satu cadangan.

USUL**MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Peluasan) 2007, Rang Undang-undang Biokeselamatan 2006 dan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007 yang dijadualkan sebagai nombor 8, nombor 9 dan nombor 10 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga dan dibawa ke Mesyuarat akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 26(1)(p)**MERUJUK AHLI YANG BERHORMAT BAGI JASIN DAN KINABATANGAN
KEPADA JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN**

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 26(1)(p). Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili wanita seluruh Malaysia saya merasa terhina, saya rasa tidak ada penghormatan terhadap wanita.

Kenyataan yang dilaporkan oleh surat khabar hari ini Tuan Yang di-Pertua, surat khabar hari ini, surat khabar utama iaitu *Utusan, China Press*, dan juga *Sin Chew*, melaporkan bahawa Yang Berhormat daripada Kinabatangan dan Jasin telah mengeluarkan kenyataan bahawa dengan izin, “...*Mana ada bocor, Batu Gajah pun tiap-tiap bulan pun bocor juga*”. Saya merasa amat terhina dan juga wanita seluruh Malaysia dengan kenyataan dibuat dan bukan setakat itu, *Sin Chew* ada mengatakan bahawa Jasin telah memulakan kenyataan tersebut dan *China Press* mengatakan bahawa kemudian disokong oleh Kinabatangan.